



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

STATUS PRODUK MI SEGERA DIKESAN MENGANDUNGI *ETHYLENE OXIDE*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan perkembangan terkini berkaitan isu produk mi segera yang dikesan mengandungi *ethylene oxide*. Berdasarkan analisa makmal yang telah dijalankan ke atas sampel Mi Kari Putih Penang Ah Lai dan Mi Segera Perisa Ayam Special jenama Indomie, KKM mengesahkan bahawa produk tersebut mematuhi perundangan yang ditetapkan dan selamat untuk dimakan.

Bagi makanan yang diimport, KKM melaksanakan enam (6) tahap pemeriksaan di pintu masuk berdasarkan risiko. Bagi pemeriksaan Tahap 5 iaitu Tahan, Uji dan Lepas (TUL), produk makanan yang masuk ke negara ini akan ditahan dan dianalisa terlebih dahulu. Hanya produk makanan yang mematuhi standard sahaja yang dilepaskan untuk di pasaran Malaysia. **Bagi tempoh 2022 hingga April 2023, sejumlah 317 pensampelan bagi tujuan TUL telah dijalankan dan daripada jumlah tersebut, 37 (11.67 %) merupakan pensampelan TUL ke atas produk mi segera pelbagai jenama bagi parameter ethylene oxide.**

Bagi mana-mana produk yang didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, KKM bekerjasama dengan syarikat yang terbabit untuk memastikan semua produk yang terlibat ditarik balik daripada pasaran. KKM ingin menegaskan bahawa produk yang berada di pasaran tempatan telah melalui prosedur yang ditetapkan dan adalah selamat.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sebarang maklumat atau kemusykilan berhubung isu ini, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat, menyalurkan melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 Mei 2023